



(tarikh)
(date)
P.U. (A)

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

SERI PADUKA BAGINDA DITERBITKAN DENGAN KUASA

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(NAIB CANSELOR DAN TIMBALAN NAIB CANSELOR) 2018



DISIARKAN OLEH/*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(NAIB CANSELOR DAN TIMBALAN NAIB CANSELOR) 2018

SUSUNAN SEKSYEN - SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Nama dan permulaan kuatkuasa

BAHAGIAN II

NAIB CANSELOR

2. Kuasa dan kewajipan Naib Canselor
3. Kuasa budi bicara

BAHAGIAN III

TIMBALAN NAIB CANSOLOR

Seksyen

4. Kuasa dan kewajipan Timbalan Naib Canselor
5. Kesahan

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(NAIB CANSOLOR DAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [*P.U.(A) 460/2010*], Canselor membuat Statut berikut:

Nama dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Malaysia Sabah (Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor) 2018**.

(2) Statut ini hendaklah berkuatkuasa pada.....

Kuasa dan kewajipan Naib Canselor

2. (1) Seorang Naib Canselor hendaklah dilantik oleh Menteri atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta dan selepas berunding dengan Lembaga.

(2) Naib Canselor yang dilantik hendaklah berkhidmat sepenuh masa sebagai Pegawai Universiti mengikut subseksyen 12(1) Perlembagaan Universiti.

(3) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan, kuasa dan kewajipan Naib Canselor yang dilantik, termasuklah perkara yang berikut:

- (a) menjadi ketua pegawai eksekutif Universiti;
- (b) menjadi pihak berkuasa tata tertib pelajar Universiti;
- (c) menjadi Pengerusi Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar dan Jawatankuasa Pemilih bagi kursi, profesor, profesor kanan, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang;
- (d) menjadi ahli Lembaga Pengarah Universiti;
- (e) menjadi penggerak utama dalam perencanaan pelan strategik dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik selaras dengan visi dan misi Universiti;
- (f) mewakili Universiti dalam semua hubungan dengan institusi pengajian tinggi, badan-badan ikhtisas, badan-badan penyelidikan dan badan-badan lain di peringkat nasional dan antarabangsa untuk meningkatkan kecemerlangan kesarjanaan;
- (g) mengeluarkan arahan pentadbiran dari semasa ke semasa atas segala urusan mengenai pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan, perkhidmatan, pembangunan, kewangan, pengurusan aset, pentadbiran, kebajikan dan tata tertib di Universiti;

- (h) dengan persetujuan Lembaga, menandatangani dan menyempurnakan bagi pihak Universiti apa-apa dokumen atau suratcara yang lain jika disempurnakan oleh seseorang yang bukannya suatu pertubuhan perbadanan tidak dikehendaki dimeteraikan;
- (i) melantik seorang Dekan bagi setiap Fakulti dan sekurang-kurangnya seorang Timbalan Dekan selepas berunding dengan kakitangan akademik setiap Fakulti dan memaklumkan kepada Lembaga mengenai pelantikan itu;
- (j) melantik ketua sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut selepas berunding dengan kakitangan akademik setiap Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu;
- (k) menjadi Pengerusi Konvokesyen jika Canselor atau Pro-Canselor tidak hadir;
- (l) membuat pertimbangan terhadap anggaran pendapatan dan perbelanjaan Universiti bagi setiap tahun kewangan yang telah disediakan oleh mana-mana pegawai Universiti;
- (m) bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga dan Senat;
- (n) mengko-opt tidak lebih daripada lima orang untuk menjadi ahli Senat Universiti selama tiga tahun;
- (o) menyimpan dalam jagaannya cap meterai Universiti;
- (p) menyaksikan penurunan cap meterai pada suratcara dan menandatangani suratcara itu;

- (q) memberi arahan dan mengenakan kawalan kepada ketua Kampus Cawangan;
- (r) menentukan bilangan perwakilan bagi Kawasan Fakulti dan Kawasan Umum yang akan dipertandingkan dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP);
- (s) memastikan semua pihak berkuasa dan pegawai Universiti menjalankan kuasa dan tugas sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan Universiti;
- (t) melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan tugasnya; dan
- (u) menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, Lembaga atau Senat dari semasa ke semasa.

Kuasa budi bicara

3. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan, Naib Canselor boleh—

- (a) menjadi Komandan Kehormat Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Kor Sukarelawan Polis Siswa (KOR SUKSIS), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) atau mana-mana pasukan beruniform Universiti;

- (b) dari semasa ke semasa, mewakili mana-mana kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana Timbalan Naib Canselor atau mana-mana pegawai lain Universiti;
- (c) membatalkan pelantikan Dekan atau Timbalan Dekan Fakulti, atau ketua sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut atau mana-mana orang yang diberi tanggungjawab untuk menjalankan kewajipan sebagai Dekan atau Timbalan Dekan Fakulti atau ketua sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut pada bila-bila masa dalam tempoh pelantikan itu;
- (d) membenarkan pertambahan jawatan dalam MPP selain daripada jawatan Yang di-Pertua, Naib Yang di-Pertua, Setiausaha dan Bendahari;
- (e) memberi kelulusan kepada MPP untuk membentuk jawatankuasa *ad hoc* dari antara ahli MPP bagi maksud atau tujuan tertentu;
- (f) Melanjutkan tempoh pelantikan MPP sedia ada atau melantik mana-mana pelajar lain yang difikirkan sesuai untuk menjalankan tugas sementara (*caretaker*) sehingga MPP baharu dilantik.
- (g) memberi kelulusan kepada seseorang pelajar yang keputusan prosiding tatatertib terhadapnya masih ditunggu, atau yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib untuk bertanding atau terus menjadi ahli MPP atau memegang jawatan bagi mana-mana badan atau jawatankuasa pelajar;
- (h) memberi arahan kepada MPP dalam urusan penyusunan dan penyeliaan kemudahan kebajikan pelajar di Universiti termasuk

kemudahan rekreasi, aktiviti kerohanian dan keagamaan, dan pembekalan makanan dan minuman;

- (i)* menerima, menimbang dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam hal ehwal kebajikan pelajar yang dikemukakan oleh MPP;
- (j)* membenarkan mana-mana pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar memungut atau menganjurkan pemungutan wang atau harta lain tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat;
- (k)* menggantung pelajar yang dituduh atas kesalahan boleh daftar daripada menjadi seorang pelajar;
- (l)* menggantung atau membubarkan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang menjalankan urusannya yang pada pendapat Naib Canselor boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan dan kesentosaan Universiti atau pelajar atau pekerja Universiti atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam atau yang melanggar mana-mana undang-undang bertulis; pertubuhan, badan atau kumpulan itu hendaklah diberi suatu peluang untuk membuat representasi bertulis sebelum penggantungan atau pembubaran pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti itu; dan
- (m)* meluluskan dan menentukan apa-apa terma dan syarat berhubung penubuhan badan pelajar lain yang keanggotaannya tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar.

BAHAGIAN III

TIMBALAN NAIB CANSELOR

Kuasa dan tanggungjawab Timbalan Naib Canselor

4. (1) Hendaklah ada sekurang-kurangnya seorang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Menteri atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta dan selepas berunding dengan Naib Canselor.

(2) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan, tugas-tugas Timbalan Naib Canselor hendaklah termasuk hal-ehwal akademik dan antarabangsa, penyelidikan dan inovasi, pembangunan, pengurusan pelajar dan alumni Universiti, jaringan industri dan masyarakat dan perkara-perkara lain seperti berikut:-

- (a) menjadi ahli semua Pihak Berkuasa Universiti kecuali diperuntukkan sebaliknya;
- (b) membantu Naib Canselor dalam perencanaan pelan strategik dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik selaras dengan visi dan misi Universiti;
- (c) membantu Naib Canselor dalam mewakili Universiti dalam semua hubungan dengan institusi pengajian tinggi dan badan-badan lain di peringkat nasional dan antarabangsa;
- (d) dengan persetujuan Lembaga, menandatangani dan menyempurnakan bagi pihak Universiti, apa-apa dokumen atau suratcara yang lain jika disempurnakan oleh seseorang yang

bukannya suatu pertubuhan perbadanan tidak dikehendaki dimeteraikan;

- (e) menjadi ahli *ex-officio* Lembaga tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga;
- (f) menjadi ahli Senat dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti;
- (g) menguruskan Jawatankuasa Pemilih bagi tujuan pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan guru selain daripada profesor kanan, profesor, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang;
- (h) bertanggungjawab kepada Naib Canselor dalam hal-ehwal penyelidikan dan inovasi serta pengurusannya, mengawal selia (*custodian*) harta intelek dan mengambil langkah tertentu bagi memelihara kepentingan Universiti;
- (i) bertanggungjawab kepada Naib Canselor dalam hal ehwal pelajar termasuk pembangunan sahsiah, kebajikan, tatatertib dan segala perkara yang berkaitan dengannya serta hal ehwal alumni Universiti; dan
- (j) menjalankan apa-apa kuasa dan kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Naib Canselor.

Kesahan

5. Apa-apa tindakan yang telah disempurnakan oleh Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor dibawah statut ini hendaklah pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat dibawah Statut ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

Dibuat

TYT Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar Bin Datuk Haji Mahiruddin

Canselor Universiti Malaysia Sabah